

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/( 50 )  
Tarikh : 24 September 1999

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BILANGAN 7 TAHUN 1999**

---

**PENGEDARAN MAKLUMAT KONTRAKTOR YANG MENDAPAT KONTRAK KERAJAAN**

---

Adalah saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1995 – Panduan Am Mengenai Perolehan Kerajaan telah menggariskan di bawah Perkara 5, perenggan 5.1 dan perenggan 5.2 mengenai perlunya Agensi Kerajaan mengedarkan salinan surat setujuterima dan maklumat Kontraktor/Perunding yang telah mendapat Kontrak Kerajaan kepada :

- (a). Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan  
Kementerian Kewangan Malaysia
- (b). Ketua Pengarah  
Jabatan Hasil Dalam Negeri  
**Serta** Jabatan Hasil Dalam Negeri yang terdekat dengan agensi pelaksana.

3. Walaubagaimanapun semenjak kebelakangan ini, didapati beberapa Agensi Kerajaan, terutamanya agensi pelaksana telah tidak mengedarkan maklumat-maklumat seperti yang dikehendaki oleh Perkara 5 SPP. 8/95 berkenaan.

4. Oleh yang demikian sukacita Ketua-Ketua Agensi Kerajaan ditarik perhatian supaya dapat mematuhi kehendak Perkara 5 dalam SPP. 8/95 tersebut supaya mengedarkan suratsetuju terima tawaran dan maklumat Kontraktor/Perunding yang mendapat Kontrak Kerajaan kepada :-

- (a). Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan  
Kementerian Kewangan Malaysia.
- (b). Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

serta – Lembaga Hasil Dalam Negeri, Unit Pengesanan, Cawangan Penaksiran, Tingkat 5,  
Wisma Bandaraya. 88600 Kota Kinabalu.

5. Pengedaran maklumat kontraktor/perunding yang mendapat Kontrak Kerajaan hendaklah mengandungi butir-butir seperti di “ **LAMPIRAN A** ” berlampir dan diedarkan setiap tiga (3) bulan sekali.
6. Di atas perhatian dan kerjasama Y. Bhg. Datuk/Dato’/Tuan/Puan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,

T.T

**( DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI )**

Pegawai Kewangan Persekutuan,

Sabah.

**LAMPIRAN A**

**Jenis Kontrak :** \_\_\_\_\_  
**Perkhidmatan)**

**( Kerja / Bekalan**

**MAKLUMAT KONTRAKTOR YANG MENDAPAT KONTRAK KERJA / BEKALAN / PERKHIDMATAN ( TERMASUK PERUNDING )**

<b>NAMA DAN ALAMAT KONTRAKTOR / RAKAN KONGSI ( JIKA BERKENAAN )</b>	<b>NAMA DAN ALAMAT EJEN TEMPATAN</b>	<b>TAJUK KONTRAK</b>	<b>NILAI KONTRAK</b>	<b>TEMPOH KONTRAK / KUANTITI ( YANG MANA BERKENAAN )</b>